

DATE: 10 / 6 / 2009

Pembangking tetap perlu: Dr M

BH - 10/6/2009

SHAH ALAM: Kerajaan perpaduan berasaskan satu parti pemerintah tanpa pembangking, tidak baik untuk politik negara, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, negara memerlukan pembangking bagi memberi keseimbangan terhadap pentadbiran kerajaan yang memerintah supaya ada pihak membuat teguran.

"Ini sesuatu yang tidakihat... tanpa pembangking adalah umpama seseorang itu tidak mempunyai cermin untuk melihat sama ada dia cantik atau tidak," katanya selepas merasmikan pelancaran dan demonstrasi produk petroleum dari sisa plastik oleh Greenbase Utama Sdn Bhd di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, Pas juga perlu memperjelaskan maksud kerajaan perpaduan bagi mengelakkan kekeliruan yang kerjasama dicadangkan itu hanya membabitkan satu kaum.

Beliau berkata, cadangan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang belum jelas

sama ada kerajaan perpaduan itu hanya membabitkan Pas dan Umno serta tidak pihak lain.

"Jika begitu tidak baguslah, jika mahu perpaduan tidak bolehlah antara Melayu dan Melayu saja, nanti kaum Cina akan berpakat dengan Cina pula, begitu juga kaum India.

"Ini akan menyebabkan kita makin berpecah," katanya

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan perpaduan tidak mendapat sokongan DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR), menyebabkan Pas bergerak berseorangan ke arah melaksanakan impiannya.

Sementara itu, ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Dr Rais Yatim pula membidas sikap DAP dan PKR yang tidak setuju dengan tindakan Pas untuk mewujudkan kerajaan perpaduan.

Rais berkata, beliau percaya Pas mempunyai pendirian sendiri dan berpendapat DAP serta PKR tidak perlu memberi nasihat kepada Pas.